

Komentari

Tambah baik kebajikan OKU

Noor
Mohamad
Shakil
Hameed



Timbalan Pengarah Pejabat
Strategi Korporat dan
Komunikasi, Universiti Putra
Malaysia

Kejayaan qari orang kurang upaya (OKU) penglihatan dari Kelantan, Muhammad Qayyim Nizar Sarimi, dinobatkan sebagai Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan 1441H/2020M baru-baru ini, cukup membanggakan dan menarik perhatian khalayak.

Kejayaan ini sepatutnya membuka mata semua pihak untuk terus memberi perhatian serius kepada keperluan OKU di negara ini, selain mengiktiraf kehebatan dan kemampuan mereka dengan adil dan sewajarnya.

Benar kedudukan OKU di ne-

gara kita tidak pernah dipinggirkan, namun masih banyak ruang untuk penambahbaikan, terutama dari segi sokongan, peluang dan kemudahan.

Harus diingat mereka menjadi OKU bukan atas kehendak dan pilihan. Ada yang menjadi OKU sejak lahir, ada pula disebabkan insiden seperti kemalangan atau penyakit.

Jadi kita yang dilahirkan dengan fizikal sempurna perlu memikul tanggungjawab membantu dan memenuhi keperluan serta kehendak mereka.

Dalam konteks ini, penulis percaya kelompok insan istimewa ini tidak terlalu mengharap simpati anggota masyarakat, tetapi lebih kepada sejauh mana masyarakat bersedia menerima kehadiran mereka seadanya.

Mereka juga mahu diberi peluang sewajarnya untuk berdikari dan meneruskan kehidupan, selain diiktiraf sumbangan, peranan dan kehebatan.

Justeru, tiba masa untuk kita bermuhasabah dan menilai sejauh mana selama ini kita secara jujur dan ikhlas menerima kehadiran mereka.

Jujurnya hari ini kita masih kedengaran rintihan OKU tidak mendapat bantuan sewajarnya, tidak disediakan kemudahan sepatutnya serta masih berlaku unsur diskriminasi, selain dinafikan hak serta ada sahaja yang bertindak kejam kepada mereka.

Misalnya baru-baru ini tular satu video melalui media sosial mengenai tindakan seorang pengawal keselamatan memukul seorang OKU di Kuala Perlis. Kejadian seumpama ini terus berlaku dalam masyarakat kita.

Jadi, anggota masyarakat perlu berubah dan memperbaiki sikap, pandangan serta tindakan terhadap OKU.

Antara kaedah boleh dilakukan ialah menambah baik kemudahan diperlukan OKU supaya mereka dapat menjalani kehidupan se-

harian tanpa bergantung harap kepada orang lain.

Misalnya tandas mesra OKU, ram dan railing untuk kerusi roda, eskalator dan lif khas, ruang parkir serta kemudahan pengangkutan awam yang mesra kepada mereka seperti bas dan komuter.

Walaupun kemudahan seperti ini sedia ada, kita percaya ia boleh ditambah baik dan terus diperluaskan. Elakkan juga mengambil kesempatan seperti meletak kenderaan di parkir khas OKU.

Salah guna kemudahan seperti ini masih banyak berlaku dalam masyarakat kita. Malah ramai merosakkan kemudahan untuk OKU. Tindakan vandalisme seperti ini perlu dilabel sebagai perlakuan yang zalim.

Bagi kerajaan, usaha menambah baik keperluan sokongan untuk survival hidup OKU perlu dipandang serius. Contohnya tambahan kemudahan peluang pendidikan, latihan kemahiran serta peluang pekerjaan.

Hal ini penting supaya mereka dapat berdikari meneruskan kelangsungan hidup tanpa bergantung harap kepada simpati dan ihsan orang lain.

Ringkasnya, lebih baik diajar mereka cara memancing berbanding membekalkan ikan yang tidak akan kekal selamanya.

Hakikatnya, OKU sebahagian daripada masyarakat kita. Mereka banyak memberi sumbangan dan membanggakan rakyat serta negara seperti dalam bidang sukan bertaraf dunia yang wajar mendapat pujian dan pengiktirafan.

Jadi, inisiatif dan usaha untuk terus menambah baik aspek kebajikan, keselamatan dan kemudahan yang mereka perlukan tidak boleh ada titik noktah.

Semoga kejayaan terkini Muhammad Qayyim Nizar serta rakan OKU lain dalam pelbagai bidang selama ini, terus merintis jalan ke arah pemerikasaan kedudukan dan pengiktirafan terhadap OKU di negara ini.